


UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KRAF KERIS DI SEKOLAH MENENGAH

OTHMAN BIN ABDUL

M20041000013



FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
TANJONG MALIM

2006

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

**PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN
KRAF KERIS DI SEKOLAH MENENGAH**

OTHMAN BIN ABDUL

M20041000013

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT
UNTUK MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
PENDIDIKAN SENI**

**FAKULTI SENI DAN MUZIK
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS TANJONG MALIM**

2006

PENGAKUAN

Saya mengaku disertasi ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang setiap satunya saya jelaskan sumbernya.

01.06.2006

Othman bin Abdul
M20041000013

DECLARATION

I hereby declare that the work in this dissertation is my own except for quotation and summaries which have been duly acknowledged

01.06.2006

Othman bin Abdul
M20041000013

Penghargaan

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pembimbing dan penyelia saya iaitu En. Abu Bakar bin Sabran yang telah membantu saya bagi menyelesaikan disertasi ini. Saya juga ingin mengucapkan penghargaan kepada Mentor saya iaitu Drs. Izani bin Mat ILL yang banyak membimbing dan membantu menyelesaikan disertasi ini dan sanggup mengorbankan masa bersama keluarganya untuk membawa saya hingga ke Indonesia bagi menyempurnakan kajian tentang keris saya ini.

Untuk rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dalam menyelesaikan tugas-tugas yang diberikan. Semoga tuhan sahaja yang membalas jasa dan budi baik rakan-rakan semua.

Untuk isteriku yang tercinta, Pn. Norazmah binti Hj.Mohd Yusof, anak-anakku yang tersayang Najwa Shakirah bt Othman dan Muhammad Najmi bin Othman, peluk kasih dan sayang kerana memahami dan memberi sokongan dalam menghadapi kuliah ini. Terima kasih atas kesabaran, doa dan memberikan semangat sepanjang pengajian ini. Salam sayang dari Ayahndamu.

Othman bin Abdul
Tanjong Malim, Perak

KATA PENGHANTAR

Terlebih dahulu saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke Hadrat Illahi kerana akhirnya saya berjaya menyelesaikan penyelidikan disertasi saya ini. Kejayaan ini juga adalah kerana dengan berkat usaha dan ketekunan juga kerjasama dari pelbagai pihak yang memberikan sokongan dan dorongan. Diatas kerjasama inilah maka penulis telah mendapat satu semangat bagi menyiapkan penyelidikan disertasi ini. Penulis merasakan sepanjang penyelidikan ini dijalankan satu semangat ingin menjaga dan memelihara khazanah negara dalam bentuk kraf ini telah tertanam dalam diri penulis. Penulis tertarik dengan kata-kata yang dituturkan oleh seorang penggiat seni kraf keris Indonesia iaitu Adakah satu hari nanti orang Melayu akan belajar mengenai krafnya dengan bangsa asing yang lain”. Yantono, Yohanes (2006)

Di kesempatan ini juga penulis ingin mengambil peluang untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak yang terlibat di sepanjang penyelidikan ini dijalankan. Terima kasih penulis ucapkan kepada:

1. Dr. Ahmad Suhaimi bin Mohd Noor, Dekan Fakulti Seni dan Muzik .
2. En. Abu Bakar bin Sabran, Penyelia disertasi
3. Drs. Izani bin Mat ILL, Mentor penyelidikan.

4. Tenaga pengajar Program Pasca Siswazah , Fakulti Seni.
5. Rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu serta memberikan maklumat.
6. Ahli keluarga dan rakan-rakan di Sekolah Menengah Kebangsaan Jelai, K.Pilah
7. Pengetua SMK Jelai, K.Pilah.
8. Pelajar-pelajar SMK Jelai, K.Pilah yang terlibat dalam Makro Teaching.

Penulis juga ingin memohon maaf kepada mereka yang tidak dapat disebutkan namanya disini. Penulis juga ingin meminta maaf jika semua maklumat yang telah diberikan samada yang tercatat dalam rujukan atau yang tersilap makluman secara tidak disedari. Tiada kata penghargaan yang dapat diberikan kepada semua pihak ini kecuali balasan pahala dari ALLAH yang maha esa bagi kebaikan-kebaikan pelbagai pihak ini. Doa dan salam sayang dari penulis untuk semua.

Othman bin Abdul
Tanjong Malim, Perak.

PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KRAF KERIS DI SEKOLAH MENENGAH

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk membina dan menghasilkan satu modul pengajaran dan pembelajaran kraf keris Melayu tradisional bagi digunakan dalam pengajaran di sekolah menengah. Kajian ini ditumpukan bagi menghasilkan satu bahan atau produk kraf keris yang mana selama ini diajar didalam kelas di sekolah-sekolah sebagai pengajaran teori sahaja. Hasilan dari dapatan kajian ini penulis akan merangka satu modul pengajaran dan pembelajaran kraf keris mengikut sukatan dan huraian pelajaran yang ditentukan oleh pihak Kementerian Pelajaran dan Pusat Perkembangan Kurikulum.

Dapatan dari kajian ini menunjukkan bahawa kraf keris sebenarnya adalah salah satu daripada hasilan kraf tradisional yang harus dipelihara dan dijaga martabatnya sebagai lambang atau simbol kedaulatan orang Melayu. Selain dari itu ialah untuk mengetahui kesan dan penerimaan cara pengajaran dan pembelajaran kraf keris sebagai kraf tradisional terhadap perubahan sikap pelajar-pelajar menerima satu pelajaran baru.

Disamping melihat perkembangan kraf keris, suatu tinjauan mengenai perkembangan kurikulum pelajaran pendidikan seni itu juga ditekankan. Struktur sesuatu kurikulum boleh menimbulkan beberapa masalah dalam pembelajaran. Antara masalah dalam kurikulum tersebut ialah peruntukkan masa berbanding dengan saiz kurikulumnya, kebolehan murid membuat keris, kaedah pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan buku rujukan. Hasil dari kajian ini diharap dapat dibentuk suatu kurikulum yang lebih lengkap dan sempurna bagi mencapai matlamat pelajaran dan pendidikan seni yang sebenarnya.

THE CONSTRUCTION OF TEACHING AND LEARNING MODULE KERIS CRAFT IN SECONDARY SCHOOL

ABSTRACT

The purpose of this research is to build and prepare a teaching and learning module of Malay Keris handicraft that the educators can utilize in their teaching in the secondary schools. This research is focussed in producing a Malay Keris handicraft product whereby it had been thought theoretically only, before, during the teaching process. Therefore, from the results of this research the writer has developed a teaching and learning module of Keris handicraft based on the Curriculum Specifications fixed by the Ministry of Education and Curriculum Development Centre.

The results of this research indicated that 'keris' is actually one of the traditional Malay handicrafts that its sovereignty should be preserved as a Malay symbol. Other than that, the writer wants to know whether this traditional Malay handicraft can be accepted in the teaching and learning process and whether it changes the students' interpretation in learning a new thing.

Besides looking at the development of Keris handicraft, a survey is emphasized in the Art Education curriculum. The curriculum structure can cause few problems in teaching. Among the problems are the comparison between the timeframe and the scope of the curriculum, the students' ability in producing the product, the teaching and learning method and a complete set of resource books. From the results of this research, it is hope that a complete and perfect curriculum outline is created to achieve the Art Education aim.

ISI KANDUNGAN

Kandungan

Muka Surat

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DECLARATION	iii
PENGHARGAAN	iv
KATA PENGHANTAR	v
ABSTRAK	vii
ABSTRACT	viii
ISI KANDUNGAN	ix
DAFTAR RAJAH DAN GAMBAR	xiv

BAB 1- PENDAHULUAN

1.1- Latar belakang kajian	1
1.2- Persoalan Kajian	8
1.3- Tujuan kajian	17
1.4- Fokus Kajian	18
1.5- Faedah kajian	19
1.6- Kepentingan Kajian	20
1.7- Definisi Konsep	22

BAB II – KAJIAN LITERATUR

2.1- Teori Pengajaran dan Pembelajaran	26
2.2- Model Pengajaran dan Pembelajaran	29
2.3- Model pengajaran adalah model pembelajaran	41
2.4- Model Pengajaran dan Pembelajaran Pelajar	44
2.5- Pendidikan di Tanah Melayu	54
2.6- Seni secara Formal Sebelum Merdeka	55
2.7- Kurikulum Pendidikan Seni di SITC	58
2.8- Kelas Lanjutan Pendidikan Seni	64
2.9- Pembentukan Kurikulum Pendidikan Seni di Malaysia	66
2.10-Kurikulum pendidikan seni	78

BAB III- METODOLOGI KAJIAN

3.1- Perancangan Kajian	85
3.2- Rekabentuk Kajian	92
3.3- Kerangka Konsep (conceptual framework)	94
3.4- Sumber Data	97
3.5- Kaedah Mengumpul Data	102
3.6- Kaedah Analisis Data	120
3.7- Kaedah Interpretasi Data	121
3.8- Instrument Kajian	124

BAB IV- PEMBINAAN MODUL PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

4.1- Rancangan Pengajaran dan Pembelajaran Kraf Keris	126
4.2- Pembinaan Bahan Pengajaran Kraf Keris	132
4.3- Menggunakan bahan Pengajaran Kraf Keris	133
4.4- Penilaian Bahan Pengajaran Kraf Keris	134
4.5- Perkembangan inovasi dalam pendidikan	135
4.6- Pelaksanaan kajian	152
4.7- Pembinaan Modul Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Menengah	173

BAB V – KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1- Kesimpulan	191
5.2- Cadangan	195
BIBLIOGRAFI	198
LAMPIRAN	

DAFTAR GAMBAR DAN RAJAH

Rajah 1 : Model Peringkat Pembelajaran (Kolb, 1984)	34
Rajah 2 : Gaya belajar Kolb dan ciri-cirinya	35
Rajah 3 : Model Sosial	45
Rajah 4 : Model Pemprosesan Maklumat	49
Rajah 5 : Model Personal	50
Rajah 6 : Model Behavioris	52
Rajah 7 : Kerangka Konsep (conceptual framework)	81
Rajah 8 : Model Rancangan Pelajaran Harian	156
Rajah 9: Model Rancangan Pelajaran Harian Jemaah Nazir Malaysia	161
Gambar 1- Proses pemerhatian memanaskan besi	110
Gambar 2- Proses membuat dan mengeluarkan bentuk pamor dari keris	112
Gambar 3- En.Baheran bin Abd.Manaf	154
Gambar 4- Bapak Yantono sedang membersihkan mata keris	155
Gambar 5- Batu yang ditemukan di Desa Dakuwu, di daerah Grabag, Magelang, Jawa Tengah	158
Gambar 6: Plastersine (modelling material)	158
Gambar 7: Bahan dibahagi kepada dua	158
Gambar 8: Bahan berwarna merah diletakkan diatas warna kuning	158
Gambar 9: Bahan kuning dilipat dengan bahan berwarna merah terletak dibahagian dalam	158

Gambar 10: Percubaan oleh penulis	159
Gambar 11: Dapatan dari ujian penulis	160
Gambar 12: Demonstrasi oleh guru	162
Gambar 13: Pelajar melipat bahan	162
Gambar 14 : Bahan dilipat beberapa kali	163

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1- Latar belakang kajian

Kajian ini akan membincangkan perkembangan inovasi modul pengajaran dan pembelajaran melalui perubahan-perubahan yang diperkenalkan kepada sistem pendidikan negara sejak Laporan Kabinet 1979, yang merupakan satu ambang perubahan penting dalam sejarah pendidikan negara hingga ke masa kini. Laporan Kabinet 1979 telah membawa satu reformasi dalam pendidikan yang melahirkan KBSR (1983) dan KBSM (1989). Reformasi ini telah mengubah asas falsafah pengajaran dan pembelajaran di sekolah daripada falsafah tradisional kepada falsafah pendidikan progresivisme dan rekonstruksionisme. Anjakan ini telah

memberi implikasi terhadap ilmu dan cara pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan, daripada pendekatan transmisif dan didaktik kepada pendekatan dialektik dan interaktif; daripada berpusatkan isi kandungan dan guru kepada berpusatkan bahan dan pelajar; daripada pendekatan kurikulum yang rigid kepada pendekatan yang lebih fleksibel dan bersepadu; daripada pengajaran seluruh kelas kepada pengajaran berasaskan kumpulan; daripada penyertaan pasif pelajar yang menerima apa yang disampaikan oleh guru kepada penyertaan secara aktif mencari maklumat yang boleh digunakan dalam situasi yang berbeza-beza; daripada strategi dan suasana pengajaran yang seragam kepada strategi dan suasana pengajaran dan pembelajaran yang pelbagai. Dari segi epistemologinya, pendekatan pengajaran dan pembelajaran lebih cenderung kepada pembelajaran berasaskan pengalaman dan kaedah inkuiri di mana pembelajaran berlaku melangkaui sempadan bilik darjah.

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang diperkenalkan dalam tahun 1988, bukan sahaja memantapkan lagi asas pembinaan modul pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh Laporan Kabinet, ia juga melebarkan dimensi merancang strategi pengajaran dan pembelajaran yang perlu digunakan oleh guru. falsafah pendidikan negara yang menekankan perkembangan potensi individu secara menyeluruh, seimbang dan bersepadu, menuntut kepada strategi pengajaran dan pembelajaran yang menggalakkan pembentukan insan bersepadu yang berkeupayaan meneroka ilmu dengan menggunakan akal fikiran dan daya taakulan yang tinggi. Insan berfikir dan bersepadu ini menjadi landasan penting kepada pembentukan masyarakat pembelajaran yang bukan sahaja menjadi pengguna ilmu

tetapi juga penyumbang ilmu. Anjakan epistemologi pedagogi yang dibincangkan di atas, memerlukan perubahan peranan guru kepada menyediakan ruang dan peluang untuk membolehkan pelajar menerokai lima sumber pengetahuan iaitu pengetahuan yang diwahyukan, pengetahuan intuitif, pengetahuan autoritatif, pengetahuan rasional dan pengetahuan empirikal.

Dalam merancang penerokaan mengenai pengetahuan, pengetahuan semasa perlu ada untuk merancang modul pengajaran dan pembelajaran ini. Guru perlu menggunakan akal fikirannya bagi memperkembangkan empat jenis potensi iaitu rohani, intelek, emosi dan jasmani secara seimbang dan bersepadu. Pembelajaran berasaskan pengalaman menjadi strategi yang utama di mana pelajar sendiri yang mengawal pembelajarannya. Inovasi pedagogi yang disarankan dalam KBSR dan KBSM menekankan kepada pemerolehan ilmu pengetahuan, peningkatan daya intelek, penguasaan kemahiran belajar, pemupukan dan penerapan nilai, penguasaan dan penggunaan bahasa serta kesepaduan mata pelajaran. Ini boleh dicapai melalui pendekatan pemikiran merentas kurikulum, bahasa merentas kurikulum dan nilai merentas kurikulum.

Perkembangan yang berlaku dalam KBSR dan KBSM mempunyai implikasi kepada pendidikan guru. Pada tahun-tahun 80an, pendidikan guru di Malaysia telah dilanda oleh pelbagai inovasi sejajar dengan kehendak dan matlamat KBSR dan KBSM. Keupayaan untuk meningkatkan pembelajaran daripada pengalaman adalah merupakan tumpuan utama kepada perkembangan

profesionalisma guru. Konsep guru sebagai penyelidik (Stenhouse), penyelidikan tindakan (Carr & Kemmis), pengamal reflektif (Schon) dan pembelajaran melalui pengalaman (Kolb) adalah merupakan inovasi-inovasi yang dicetuskan daripada perkembangan profesionalisme yang memberi tumpuan penting kepada belajar menerusi pengalaman. Pengenalan “innovatory concepts” tersebut adalah satu gambaran tentang “internationalisation of thinking’ berkenaan pengajaran dan pembelajaran.

Tahun 90an menampakkan peningkatan dalam penggunaan teknologi dalam merancang modul-modul pengajaran dan pembelajaran. Ini seterusnya menuntut kepada inovasi yang lebih berbentuk perubahan yang radikal sesuai dengan perubahan pesat dan pantas yang berlaku dalam teknologi maklumat dan telekomunikasi. Konsep Sekolah Bestari yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan menjadikan teknologi sebagai pengupaya utama dalam meningkatkan pengajaran dan pembelajaran. Budaya sekolah perlu berubah daripada budaya hafalan kepada budaya berfikir yang kritis dan kreatif dengan teknologi sebagai pengupaya utama.

Walaupun idea-idea inovasi ini perlu diuji dalam konteks budaya tempatan. Idea-idea tersebut merupakan ‘global market of free floating ideas’. Kesesuaian dan potensi untuk menggunakannya adalah berlainan dari satu negara ke negara yang lain. Idea-idea yang baru ini diperkenalkan selain bertujuan untuk mengayakan pengalaman pengajaran pembelajaran di Malaysia, ia juga

bertujuan untuk menghasilkan guru sebagai pengamal reflektif. Oleh yang demikian, mungkin lebih wajar jika kita meninjau impak inovasi tersebut ke atas keberkesanan pengajaran dan pembelajaran dalam sistem persekolahan di Malaysia.

Penulis merasakan bahawa satu kajian harus dilakukan bagi membina satu modul pengajaran dan pembelajaran kraf keris dalam sistem pendidikan di negara ini. Berasaskan kepada pengalaman penulis sebagai guru dimana kraf keris pada hari ini diajar sebagai salah satu bahan senjata. Tiada kajian atau tindakan yang dilakukan oleh pengamal-pengamal pendidikan di negara ini untuk menaikkan martabat keris sebagai salah satu cabang kraf tradisional. Dalam sistem kurikulum pendidikan seni visual di sekolah menengah hari ini merangkumi perkara yang berkaitan dengan seni halus, komunikasi visual, rekabentuk dan kraf tradisional. Pelajar-pelajar akan dilatih untuk melihat sesuatu dengan perspektif yang lebih luas sama ada daripada aspek estetik mahupungunaan. Melalui kefahaman aspek diatas, pelajar-pelajar dapat diterapkan dengan penghayatan warisan seni visual dan mengamalkannya dalam kehidupan, terutamanya dalam meningkatkan nilai hidup. Pendidikan Seni Visual di dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, bermaksud pendidikan seni tampak. Ia ditujukan ke arah melengkapkan perkembangan diri seseorang melalui nilai peribadi individu dan memupuk kesedaran terhadap kegunaan seni dalam kehidupan sehari-hari serta penghargaan hasil seni sebagai sumbangan kepada pemeliharaan warisan budaya dan identiti bangsa, negara kita Malaysia. Modul pengajaran dan pembelajaran Pendidikan seni lebih kepada menegaskan kegiatan di dalam proses penghasilan seni dengan

memberi tumpuan kepada kesungguhan kerja. Ini adalah kerana penglibatan di dalam kegiatan seni bukan sahaja menyentuh perasaan estetik dan daya kreatif seseorang melalui penajaman daya intuisi, persepsi dan konsepsinya, malah boleh mengujudkan rasa kepuasan dan kesedaran terhadap bakat dan kemampuan diri dalam bidang seni. Sifat-sifat tersebut akan menjadikan dia lebih perasa, bersikap sederhana dan mampu mengamalkan pertimbangan kesenian dan kesempurnaan dalam mengendalikan kehidupannya. Setiap orang pelajar mempunyai kebolehan ini dengan kadar kemampuan masing-masing.

Dalam merancang satu modul baru bagi Kurikulum Pendidikan Seni Visual, iannya akan merangkumi semua cabang seni dan juga semua hasil kraf kerana bidang kraf sudah bertapak di negara Malaysia ini sejak awal-awal penubuhannya lagi. Pendidikan Seni Visual juga telah meresap ke semua bidang kehidupan seperti bidang komunikasi, rekreasi dan persekitaran dan dalam kehidupan sehari-hari. Pengetahuan dan kemahiran seni juga mempunyai aplikasi dalam teknologi perusahaan dan juga pengeluaran. Setiap manusia memang ternyata sekali pada hakikatnya terlibat dengan seni dalam sebarang kegiatannya. Dalam pendidikan seni visual perkara ini sentiasa dijadikan keutamaan dalam melaksanakannya. Pelajar dilatih melihat sesuatu daripada perspektif yang lebih luas merangkumi aspek estetik di samping fungsionalnya. Pertimbangan estetik ini kelak boleh menjamin peningkatan mutu perusahaan dan pengeluaran sesebuah negara. Manusia menggunakan seni untuk menyatakan hasrat, idea, nilai dan pandangannya

mengenai berbagai bidang kehidupan yang dialaminya. Oleh itu seni melambangkan tamadun dan budaya sesuatu masyarakat.

Kajian modul kraf keris dalam Kurikulum Pendidikan Seni merangkumi kajian penghargaan mengenai hasil seni di dalam budaya merupakan suatu bahagian yang sangat penting. Bidang ini menegaskan kajian hasil seni setempat dan kebangsaan serta juga unsur-unsur seni dalam alam sekitar dan dalam urusan kehidupan seharian. Melalui kefahaman tentang hasil-hasil seni negara, penghargaan terhadap penyumbang dan juga pengamal-pengamal warisan budaya ini dapat dipupuk dan disemai sejak awal lagi. Dengan itu penerapan sentimen kebangsaan dan nilai-nilai kewarganegaraan dapat mengeratkan lagi persefahaman di kalangan masyarakat yang berbilang bangsa, agama dan budaya di negara ini. Masyarakat yang celik seni dan budaya akan menggalakkan lagi perkembangan seni yang menuju ke arah memperbaiki nilai-nilai hidup.

Selain itu modul pengajaran kraf keris ini juga akan menjadikan masyarakat akan lebih celik seni dan menghargai keindahan dan keharmonian alam dan masyarakat serta akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memeliharanya. Modul pengajaran kraf keris dalam Kurikulum Pendidikan Seni ini juga akan menegaskan tentang kegiatan-kegiatan pembuatan, gubahan dan kajian pengamatan melalui proses inkuiri. Aspek mencuba, mereka cipta melalui pengolahan berbagai bahan, alat dan teknik rekaan dijadikan teras untuk pelbagai kegiatan kesenian dan kraf. Proses penghasilan dan analisa modul pengajaran dan

pembelajaran kraf keris dalam pendidikan seni ini lebih bertujuan memberikan setiap pelajar peluang membuat sintesis pengalaman untuk menjadikan dia seorang yang yakin untuk berhubung melalui seni. Pelajar akan didedahkan dengan ilmu seni visual yang berkaitan dengan bidang penghasilan kraf keris dan akan menerapkan budaya menghargai serta mengaplikasikan ilmu yang diperolehi bersama.

1.2- Persoalan Kajian

Daripada huraian yang diberikan oleh penulis diatas tadi dapat dibuat satu kesimpulan bahawa kemasyarakatan, kebudayaan dan kesenian khasnya kraf keris merupakan suatu hasilan oleh orang Melayu yang sangat menarik untuk dijadikan bahan kajian. Sebagaimana yang kita ketahui bahawa telah ramai sarjana di negara ini yang membuat penulisan dan kajian mengenai kraf keris ini. Namun berapa ramaikah didalam penulisan mereka mengalakkan pelajar atau orang ramai sentiasa menyemaikan semangat ingin mengetahui bahawa kraf keris ini telah mula ditelan oleh arus pembangunan dan kemajuan. Persoalan kajian yang muncul dari keadaan ini ialah:

1. Bagaimana cara untuk membina satu modul pengajaran dan pembelajaran yang baru dalam sistem pendidikan kita kerana keris telah diperkenalkan dalam kurikulum sebagai senjata yang sama tarafnya dengan parang dan kapak.

2. Dalam permasalahan menghasilkan modul pengajaran dan pembelajaran kraf keris ini juga ianya berkaitan dengan bagaimana menjadikan satu pengajaran dan pembelajaran kraf keris dalam bentuk menghasilkan bahan atau produk keris.
3. Perlu ada satu modul pengajaran dan pembelajaran mengenai kraf keris ini kerana ianya semakin dilupakan oleh generasi masa kini yang mana mula melenyapkan kepentingan kraf keris dalam kehidupan kita pada masa kini.

A- Pengajaran dan Pembelajaran Kraf di Sekolah Menengah

Penulis merasakan bahawa pembinaan satu modul pengajaran dan pembelajaran kraf keris ini perlu dibuat adalah kerana atas rasa tanggungjawab bagi memertabatkan lagi kraf keris sebagai kraf tradisional. Selain itu memberi peluang kepada pelajar di sekolah menengah tahu, faham dan mengetahui fungsi keris dalam kehidupan baik dari segi budaya dan juga sejarah. Kajian ini akan memberi keutamaan kepada masalah fungsi dalam memperkatakan tentang kraf keris bukan sahaja sekadar menyentuh masalah bentuk tetapi juga menyentuh makna simbolik dan estetik. Fungsi bentuk dalam kraf juga bukan hanya mementingkan masalah kegunaan dan pemakaian bentuk yang dicipta seperti periuk belanga daripada tanah, bakul daripada rotan, buluh, daun pandan seperti apa yang berlaku sejak zaman Neolitik tetapi bagaimana tukang atau pereka kraftangan telah melibatkan diri dengan sepenuhnya dalam memenuhi kehidupan bersama. Pakaian Melayu tradisi tidak akan sempurna hanya dengan baju, kain, seluar, sampung tetapi harus

dilengkapi dengan 'lima persalinan' disertakan dengan destar, malah keris, bengkung, dokoh atau gelang kaki. Tentang kepakaran mencipta, mengolah bahan, malah mencipta motif hias ramai pakar Barat menganggap bahawa budaya Melayu dibantu oleh keahlian tukang seperti dibawa oleh budaya Dong-son sejak awal abad 8 SM (Warming, 1981:13). Mungkin mereka membandingkan masalah teknik ikat seperti cindai atau petola dari India atau motif keluk dan *meader* yang banyak menghiasi pua kumbu.

Oleh kerana sejarah kraftangan memang panjang, kita sering menganggap bahawa hasil budaya material ini selalu bersifat 'tanpa nama'. Tidak dikenali siapa penciptanya. Ciri-ciri konvensional ini sesuai dengan bentuk kraftangan itu sendiri. Ia dipunyai bersama malah dibentuk dan dicipta bersama. Sebuah bakul misalnya dari peringkat permulaan memperlihatkan ciri-ciri kebersamaan ini dimana sejak dipotong daun mengkuang, pandan atau buluh sehingga kepada membersihkan, mengering hinggalah ke proses mengayam selalunya dilakukan bersama. Sebagai warisan sejak ribuan tahun dahulu, kraftangan dapat dikategorikan ke dalam kelompok kesenian rakyat (folk arts). Istilah tradisi lisan seperti yang dikemukakan oleh Mohd Taib Osman misalnya turut meletakkan kraftangan sebagai karya seni rakyat daripada ciri-ciri budaya material sebagai sebahagian daripada pengajian Melayu serantau.

Di Eropah sendiri kajian budaya material sejajar dengan pertumbuhan ilmu etnografi, pengumpulan bahan-bahan seni rakyat Dunia Ketiga terutama dengan timbulnya minat pengumpulan benda budaya yang sering mendapat jolokan seni